



1. Yang manakah benar tentang inisiatif utama dalam Dasar Bioteknologi Negara yang dilaksanakan oleh kerajaan pada 28 April 2005?
- I Sektor awam memainkan peranan utama dalam memajukan bioteknologi negara
  - II Penekanan hanya difokuskan kepada bioteknologi dalam bidang pertanian sahaja
  - III Membina keupayaan sumber manusia berasaskan bioteknologi negara sejajar dengan keperluan pasaran
  - IV Membentuk strategi pasaran global untuk membina pengiktirafan jenama bagi bioteknologi Malaysia
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV

2. Yang manakah berikut benar tentang tindakan undang-undang yang boleh dikenakan terhadap along atau ceti haram?
- I Sebat
  - II Penjara
  - III Buang daerah
  - IV Khidmat kemasyarakatan
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV



3. X merujuk kepada
- A Wawasan 2020
  - B Integrasi Nasional
  - C Dasar Sosial Negara
  - D Pelan Integriti Nasional

4. Yang manakah benar tentang Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang dilaksanakan pada Februari 2004?
- I Berbentuk kerahan tenaga
  - II Kurikulum berbentuk multi-disiplin
  - III Menyemarakkan semangat kesukarelaan di kalangan remaja
  - IV Remaja yang terpilih tetapi engkar menyertainya boleh dihukum penjara setahun atau denda tidak lebih RM 3000.
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV



5. Yang manakah langkah pemulihan yang dijalankan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut?
- I Mengawal pengaliran mata wang keluar dan masuk negara
  - II Menaikkan kadar faedah bagi pinjaman di institusi kewangan
  - III Penubuhan Danamodal Berhad bagi membantu mengatasi masalah hutang tidak berbayar (NPL)
  - IV Mengadakan misi perdagangan di luar negeri bagi menarik pelabur-pelabur untuk menanam modal di negara kita
- A I dan II  
 B I dan III  
 C II dan IV  
 D III dan IV
6. Yang manakah saranan Malaysia tentang penstrukturan semula Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam Perhimpunan Agong PBB ke 58 pada tahun 2003 di New York?
- I Penghapusan kuasa veto satu negara
  - II Perlu meningkatkan bilangan negara yang mempunyai kuasa veto
  - III Memperkenalkan dua kuasa veto dan disokong oleh 3 lagi ahli Majlis Keselamatan
  - IV Sebarang resolusi yang akan diluluskan mesti mendapat persetujuan daripada Setfausaha Agong PBB terlebih dahulu
- A I dan II  
 B I dan III  
 C II dan IV  
 D III dan IV

7. Yang manakah antara langkah-langkah kerjasama ASEAN dalam menangani masalah keganasan?
- Bertukar-tukar maklumat perisikan tentang aktiviti keganasan
  - Mengadakan kerjasama dengan masyarakat antarabangsa bagi menghapuskan keganasan
  - Mengadakan perbincangan dengan kumpulan-kumpulan pengganas bagi mencari jalan penyelesaian
  - Membentuk pakatan ketenteraan antara negara-negara anggota ASEAN bagi mengatasi kumpulan-kumpulan pengganas.
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
8. Yang manakah berikut matlamat Wawasan ASEAN 2020?
- Menjadikan rantau ASEAN sebagai satu blok perdagangan bebas
  - Mewujudkan rantau ekonomi ASEAN yang stabil, makmur dan berdaya saing
  - Memperkuatkan kerjasama ekonomi ASEAN melalui strategi pembangunan ekonomi
  - Memperkuatkan keselamatan dan pertahanan di rantau Asia Tenggara dengan pakatan ketenteraan
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
9. Yang manakah berikut tentang fungsi setiap pertubuhan yang diberikan?

	Pertubuhan		Fungsi
I	WTO	P	Satu perundingan ekonomi tidak formal
II	APEC	Q	Kerjasama ekonomi dan teknikal antara negara membangun
III	NAFTA	R	Perdagangan pelbagai hala
IV	Suruhanjaya Selatan-Selatan	S	Mewujudkan blok perdagangan bebas antara negara-negara ahli

	I	II	III	IV
A	P	R	S	Q
B	R	S	Q	P
C	R	P	S	Q
D	P	R	Q	S

10. Antara yang berikut, yang manakah persetujuan yang dicapai dalam Deklarasi Kuala Lumpur dalam Persidangan NAM di Kuala Lumpur 2003?
- Meningkatkan kerjasama Selatan-Selatan
  - Meningkatkan proses pelbagai hala
  - Membentuk pakatan tentera NAM
  - Mengurangkan beban hutang negara
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
11. Antara yang berikut, perkara yang terkandung dalam Deklarasi Putrajaya dalam Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Kuala Lumpur pada tahun 2003?
- Mewujudkan sistem perdagangan yang lebih bebas dan terbuka
  - Mewujudkan dialog antara budaya dan tamadun
  - Mendokong pembangunan sains dan teknologi
  - Menangani rasuah
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
12. Antara yang berikut, yang manakah merupakan objektif Dasar Kependudukan Malaysia?
- menyediakan sumber tenaga manusia yang cukup
  - mengurangkan kemasukan pekerja asing
  - mengimbangkan bilangan penduduk antara kaum
  - memperkuatkan kedudukan politik dan keselamatan negara
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- \* Kumpulan meningkatkan persaingan global
  - \* Sumber tenaga dieksploitasi secara optimum
  - \* Sistem pengurusan cekap dan berkesan
  - \* Sektor ekonomi digerakkan dengan lancar
13. Strategi-strategi di atas ialah bagi
- Dasar Pensyarikatan
  - Dasar Penswastaan
  - Dasar Pandang ke Timur
  - Dasar Produktiviti Negara
14. Matlamat terakhir Dasar Pendidikan Kebangsaan ialah
- Menggunakan kurikulum pendidikan yang sama
  - Mencapai perpaduan negara
  - Mengamalkan kokurikulum yang sama dan bersepadu
  - Mewujudkan sekolah bestari di seluruh Negara

- \* Mengurangkan beban kewangan kerajaan
- \* Meningkatkan mutu perkhidmatan

15. Pernyataan di atas merujuk kepada

- A) Dasar Pensewastaan
- B) Dasar Pengurangan Beban Perbelanjaan Awam
- C) Dasar Pensyarikatan
- D) Dasar Sogoshosha

16. Antara yang berikut, yang manakah strategi dalam Dasar Pertanian Negara?

- I penggunaan secara optimum sumber-sumber yang ada dalam penghasilan makanan bersama-sama tanaman industri
  - II menggalakkan usahawan-usahawan bandar membina kilang-kilang baru di kawasan luar bandar
  - III memperluaskan pasaran tempatan dan antarabangsa dengan tujuan untuk bersaing pada peringkat antarabangsa
  - IV menghantar para petani mengikuti kursus-kursus pertanian secara moden
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

17. Yang manakah berikut benar tentang sistem kerajaan dan ciri-cirinya?

Sistem Kerajaan		Ciri-ciri	
I	Kerajaan Persekutuan	X	Kerajaan Pusat tidak mempunyai kuasa mutlak
II	Kerajaan Kesatuan	Y	Pembahagian kuasa tidak jelas
III	Kerajaan Konfederasi	Z	Kerajaan Pusat mempunyai segala kuasa pemerintahan

	I	II	III
A	X	Y	Z
B	X	Z	Y
C	X	Z	X
D	Z	Z	X

18. Yang manakah berikut benar tentang perlucutan kewarganegaraan Malaysia?

Kewarganegaraan	Perlucutan
I Pendaftaran	Dalam tempoh 4 tahun selepas seseorang mendapat kewarganegaraan, dia dihukum penjara 3 tahun oleh mahkamah awam
II Kemasukan	Memberikan keterangan palsu semasa membuat permohonan kewarganegaraan.
III Kuatkuasa Undang-Undang	Telah melawat ke negara yang tidak ada hubungan diplomatik dengan negara kita
IV Percantuman Wilayah	Bercerai dengan suami warganegara Malaysia dalam tempoh 1 tahun selepas mendapat kewarganegaraan.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III ✓
- D III dan IV ✗

- I Menjaga keselamatan kakitangan Persekutuan di Sabah
- II Memelihara perpaduan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah



19. X terletak di bawah tanggungjawab
- A) Jabatan Perdana Menteri
  - B) Kementerian Wilayah Persekutuan
  - C) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
  - D) Kementerian Keselamatan Dalam Negeri

20. Yang manakah benar tentang Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik?

	Menteri	Setiausaha Parlimen	Setiausaha Politik
I	Dilantik oleh: Yang di-Pertuan Agong	Yang di-Pertuan Agong	Perdana Menteri
II	Saraan ditentukan: Parlimen	Parlimen	Kabinet
III	Perlucutan jawatan: Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri	Perdana Menteri	Perdana Menteri
IV	Bertanggungjawab kepada: Perdana Menteri	Perdana Menteri	Perdana Menteri

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

- Setiap ahli kabinet bertanggungjawab menjawab segala pertanyaan tentang Kementerianannya di Parlimen

21. Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Ketertinggian Parlimen
- B Demokrasi Berparlimen
- C Bertanggungjawab kepada Parlimen
- D Badan perundangan lebih berkuasa daripada badan pentadbiran

Dalam pemeriksaan sesebuah bangunan yang baru dibina, X bertanggungjawab memastikan sistem pendawaian elektrik di bangunan tersebut mengikut peraturan yang ditetapkan

→ Kementerian Y

22. Dalam gambarajah di atas, Jabatan X dan Kementerian Y merujuk kepada

	Jabatan	Kementerian
A	Bomba	Perumahan dan Kerajaan Tempatan
B	Perumahan	Perumahan dan Kerajaan Tempatan
C	Kerja Raya	Kerja Raya
D	Bekalan Elektrik dan Gas	Tenaga, Air dan Komunikasi

23. Yang manakah berikut benar?

	Ahli Kabinet	Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
I	Boleh menjalankan profesion masing-masing	Boleh memegang jawatan berpendapatan
II	Memegang jawatan selama diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong	Memegang jawatan selama diperkenankan oleh Raja / Yang Dipertua Negeri
III	Bertanggungjawab kepada Yang di-Pertuan Agong	Bertanggungjawab kepada Raja / Yang Dipertua Negeri
IV	Menjalankan kuasa eksekutif Yang di-Pertuan Agong	Menjalankan kuasa eksekutif Raja / Yang Dipertua Negeri

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

24. Yang manakah berikut benar tentang Kementerian dan fungsinya?

	Kementerian	Fungsi
I	Pertanian dan Industri Asas Tani	Memajukan rancangan tanah FELDA
II	Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Menguruskan soal pembentukan dan bangunan
III	Kesenian, Kebudayaan dan Warisan	Pemuliharaan bangunan-bangunan warisan sejarah
IV	Luar Bandar dan Wilayah	Penyatuan dan pemuliharaan tanah di Sarawak

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

25. Yang manakah berikut benar tentang objektif Majlis Amanah Rakyat (MARA)?

- I Menambah hak milik bumiputera dalam sektor syarikat
  - II Memberikan latihan kepada peniaga-peniaga bumiputera
  - III Meningkatkan penyertaan bumiputera dalam bidang pelaburan
  - IV Menceburi bidang yang tidak mampu diceburi oleh sektor swasta
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

• Membantu meningkatkan penyertaan bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian

26. Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Perbendaharaan
- B Unit Perancang Ekonomi
- C Unit Penyelaras Pelaksanaan
- D Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia

Pemberian Mengikut Bilangan Orang Bagi Setiap Negeri

- Bagi 100,000 orang yang pertama RM 72.00 setiap orang
- Bagi 500,000 orang yang berikutnya RM 10.20 setiap orang
- Bagi 500,000 orang berikutnya RM 10.80 setiap orang
- Bagi yang selebihnya RM 11.40 setiap orang

27. Berdasarkan jadual di atas, yang manakah pernyataan berikut benar?

- I Penetapan peruntukan kepada Kerajaan Negeri dilakukan oleh Majlis Kewangan Negara
  - II Pemberian ditetapkan oleh Kerajaan Negeri melalui rundingan dengan Kerajaan Persekutuan
  - III Kerajaan Persekutuan wajib memberikan peruntukan kepada Kerajaan Negeri mengikut kepala
  - IV Kerajaan Negeri yang tidak berpuas hati dengan kadar peruntukan tahunan ini boleh kemukakan bantahan di Parlimen
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV

28. Yang manakah pernyataan berikut benar?

	Peringkat Pentadbiran	Personel awam
I	Bahagian	Temenggong
II	Dacrah Kecil	Pegawai Perkhidmatan Tadbir
III	Kampung di Sarawak	Penghulu
IV	Mukim di Kelantan	Penghulu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- Tidak boleh meneruskan profesionnya
- Mesti warganegara Malaysia secara kuatkuasa undang-undang

29. Pernyataan di atas merujuk kepada

- I Perdana Menteri
  - II Ketua Audit Negara
  - III Yang Dipertua Negeri
  - IV Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
- A I dan II  
B I dan III  
C II dan IV  
D III dan IV

30. Yang manakah sumber-sumber tambahan berikut yang diserahkan kepada Negeri Sabah dan Sarawak?

- I Permit pembalakan
  - II 10% duti eksport galian
  - III Bayaran cukai perkhidmatan
  - IV Duti import ke atas petroleum
- A I dan II  
B I dan III  
C II dan IV  
D III dan IV

- Cukai pintu
- Sewa bangunan
- Lesen kedai kopi

31. Yang manakah pihak berkuasa berikut yang bertanggungjawab memungut wang tersebut?

- A Kerajaan Negeri
- B Kerajaan Tempatan
- C Kerajaan Persekutuan
- D Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan

32. Antara yang berikut, yang manakah undang-undang tidak bertulis?

- I Keputusan mahkamah
  - II Undang-undang Adat
  - III Enakmen negeri
  - IV Perundangan subsidiari
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

33. Antara yang berikut, yang manakah merupakan bidang tugas Dewan Rakyat dan Dewan Negara?

- I Membincangkan dasar kerajaan
  - II Membahaskan masalah rakyat
  - III Membahaskan ideologi parti politik
  - IV Menyelaraskan pelaksanaan dasar kerajaan
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

34. Antara yang berikut, yang manakah seseorang akan kehilangan kelayakannya sebagai ahli Parlimen?

- I Telah dituduh melakukan kesalahan jenayah dan dihadapkan ke mahkamah
  - II Tidak mengangkat sumpah walaupun telah sebulan beliau dipilih sebagai ahli dewan
  - III Tidak menghadiri persidangan selama 6 bulan berturut-turut tanpa kebenaran
  - IV Boleh mengundi dalam pilihan raya umum di negara jiran
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

35. Antara yang berikut, yang manakah yang merupakan bidang kuasa tugas Suruhanjaya Pilihan Raya?

- I Mencadangkan persempadanan baru kawasan pilihan raya
- II Mendaftar pengundi-pengundi yang layak
- III Menentukan calon-calon yang layak bertanding dalam pilihan raya
- IV Membicarakan petisyen pilihan raya

- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

Beliau dilantik sama ada daripada ahli-ahli dewan atau orang luar dan tidak boleh dilantik sebagai ahli kabinet.

36. Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Yang Dipertua Dewan Rakyat
- B Yang Dipertua Dewan Negara
- C Setiausaha Dewan rakyat
- D Setiausaha Dewan Negara

\* Menteri berkenaan membentangkan rang undang-undang sebagai satu formaliti.  
 \* Tiada sebarang perbahasan pada peringkat ini.

37. Dalam proses penggubalan undang-undang, peringkat di atas merujuk kepada  
 A. Bacaan Pertama  
 B. Bacaan Kedua  
 C. Peringkat Jawatankuasa  
 D. Bacaan Ketiga
38. Antara yang berikut, yang manakah benar tentang seseorang pengundi di Malaysia?  
 I Seseorang warganegara berumur 21 tahun dan ke atas layak mengundi  
 II Seorang warganegara yang keluar melancong boleh mengundi secara pos.  
 III Seseorang anggota pasukan keselamatan yang sedang bertugas di hutan mengundi secara pos.  
 IV Isteri atau suami seseorang warganegara yang menunfüt sepenuh masa di luar negara boleh mengundi secara pos.  
 A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV
39. Antara yang berikut, yang manakah padanan yang benar antara mahkamah yang menjatuhkan hukuman dengan kuasa pengampunan terhadap pesalah yang terbabit?

	Mahkamah	Kuasa Pengampunan
I	Mahkamah Awam	Yang di-Pertuan Agong
II	Mahkamah Syariah	Mufti Negeri
III	Mahkamah Khas Raja-Raja	Majlis Raja-Raja
IV	Mahkamah Tentera	Yang di-Pertuan Agong

- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV
40. Antara yang berikut, pilih padanan yang benar antara mahkamah dengan fungsinya.

	Mahkamah	Fungsi
I	Mahkamah Sesyen	Membicarakan kes-kes sivil dan jenayah yang meliputi semua kesalahan kecuali yang boleh dijatuhi hukuman mati
II	Mahkamah Juvana	Membicarakan kes-kes yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah
III	Mahkamah Penghulu	Membicarakan kes-kes sivil yang melibatkan tuntutan wang atau nilai tidak lebih daripada RM50
IV	Mahkamah Tentera	Membicarakan kes-kes sivil yang dilakukan oleh anggota tentera

- A I dan II  
 B I dan III  
 C II dan IV  
 D III dan IV

41. Antara yang berikut, yang manakah merupakan hukuman yang paling berat yang boleh dijatuhkan oleh Mahkamah Majistret Kelas 1?  
 I 5 tahun penjara dengan denda RM10,000  
 II denda RM20,000  
 III 12 kali sebatan  
 IV 10 tahun penjara  
 A I dan II  
 B I dan III  
 C II dan IV  
 D III dan IV

Kelakuan Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Tinggi tidak boleh dibincangkan dalam mana-mana Majlis Parlimen kecuali dengan usul melebihi ¼ anggota ahli Dewan Parlimen.

42. Pernyataan di atas merujuk kepada  
 A kebebasan kehakiman  
 B bidang kuasa kehakiman  
 C kuasa budi bicara kehakiman  
 D pemecatan jawatan kehakiman
43. Antara yang berikut, yang manakah kes-kes jenayah dalam Mahkamah Syariah?  
 I Penceraian  
 II Pertunangan  
 III Berjudi  
 IV Ajaran sesat  
 A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV
44. Antara yang berikut, yang manakah yang akan dibicarakan dalam Mahkamah Tentera?  
 I Orang awam yang berada dalam kenderaan tentera  
 II Kes-kes jenayah yang dilakukan oleh anggota tentera  
 III Askar simpanan yang berkhidmat dalam tentera  
 IV Kes-kes sivil yang dilakukan oleh anggota tentera  
 A I dan II  
 B I dan III  
 C II dan IV  
 D III dan IV

45. Antara yang berikut, yang manakah bidang kuasa Peguam Negara?
- Memula dan menjalankan kuasa pendakwaan dalam kes-kes jenayah
  - Memberhentikan perbicaraan sesuatu kesalahan di Mahkamah Syariah
  - Menjalankan perbicaraan sesuatu kesalahan di mahkamah awam
  - Memberhentikan prosiding jenayah di Mahkamah Tentera
- A I dan II  
B I dan III  
C II dan IV  
D III dan IV

Soalan 46 dan 47 berdasarkan jadual di bawah.

Jadual 1 : Bilangan Personel Perubatan dari 2000 - 2002

Personel Perubatan	2000	2001	2002
Doktor	15 619	16 146	17 442
Doktor Gigi	2 144	2 225	2 297
Jururawat	23 255	24 543	35 280

Sumber: Buku Maklumat Perangkaan Malaysia 2004

Jadual 2 : Bilangan Penduduk Pertengahan Tahun dari 2000 - 2003

Bilangan penduduk ('000 orang)	2000	2001	2002	2003
	23 494.9	24 012.9	24 526.5	25 048.3

Sumber: Buku Maklumat Perangkaan Malaysia 2003

46. Yang manakah pernyataan berikut benar?
- Peratus pertambahan penduduk semakin meningkat setiap tahun
  - Nisbah doktor penduduk semakin kurang dari tahun 2000 hingga 2002.
  - Peratus pertambahan jururawat hampir 8 kali ganda pada tahun 2000-2001 dan 2001-2002
  - Peratus pertambahan penduduk lebih tinggi daripada peratus pertambahan doktor dari tahun 2000 hingga 2002
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
47. Berapakah anggaran bilangan doktor pada tahun 2003 sekiranya nisbah doktor penduduk kekal seperti tahun 2002?
- A 1406 orang  
B 1436 orang  
C 17 813 orang  
D 17 815 orang
48. Pusat membeli belah J memberikan voucher bernilai RM10.00 bagi setiap belian RM100.00, tetapi voucher itu tidak boleh ditukar dengan wang tunai, sebaliknya mesti digunakan untuk membeli barangan lain. Setiap voucher bernilai RM10.00. Jika Puan N telah berbelanja sebanyak RM 1021.40, berapakah dia perlu menambah wangnya sendiri untuk membeli satu barangan lain yang berharga RM 241.40 yang diberikan potongan harga 20%?

- A RM 13.12  
B RM 90.98  
C RM 93.12  
D RM 141.40

Jadual 3 : Ringgit Malaysia bagi setiap unit mata wang asing

Mata Wang	Jualan	Belian
Euro (E)	4.850	4.830
Paun Sterling (£)	7.088	7.068
Franc Switzerland (SFr)	3.132	3.117

49. Encik X bersama dengan isteri dan dua orang anaknya telah melancong ke negara-negara Eropah memperusi pakej pelancongan yang mengenakan bayaran sebanyak RM 8,140 setiap orang. Sambil melawat tempat-tempat menarik mereka juga membeli belah. Isteri Encik X membeli jam tangan Swatch di Switzerland yang bernilai SFr330. Di London 2 orang anaknya telah berbelanja £20 setiap orang dengan membeli cenderamata. Encik X pula membeli sepasang baju sejuk di Austria yang berharga E50. Berapakah jumlah perbelanjaan percutian Encik X?
- A RM 32681.31  
B RM 34,112.83  
C RM 34,119.58  
D RM 33,977.82
50. Sebuah balang mengandungi 650 biji bebola kuning, 400 biji bebola merah dan 450 bebola putih. 40% daripada bebola putih, 20% daripada bebola kuning dan 30% daripada bebola merah dimasukkan ke dalam balang yang lain. Jumlah bebola yang tinggal di dalam balang yang pertama itu ialah
- A 430 biji  
B 1045 biji  
C 1070 biji  
D 1500 biji

Barangan	: Mesin Basuh
Harga	: RM 2,800
Bayaran Pendahuluan	: RM 400
Cara Bayaran	: Ansuran
Tempoh Bayaran	: 3 tahun
Kadar faedah	: 10% bagi tahun pertama 11% bagi tahun kedua 12% bagi tahun ketiga

51. Berapakah bayaran ansuran bulanan yang perlu dijelaskan
- A RM 86.67  
B RM 88.67  
C RM 89.00  
D RM 91.16

Jumlah pemilikan saham	: 325,000 unit
Harga Belian	: RM1.00 seunit
Dividen tahunan	: 12.4 % setahun
Tempoh pegangan	: 3 tahun

52. Kirakan keuntungan yang diperoleh pada akhir tahun ketiga dengan andaian dividen dan saham tidak pernah dikeluarkan.
- A RM 45,297.20  
 B RM 50,914.05  
 C RM 136,511.25  
 D RM 461,511.25
53. Kadar bayaran bagi tempat letak kenderaan yang dikenakan di kawasan X ialah seperti berikut:

30 minit pertama	= RM1.50 sejam
150 minit yang berikutnya	= RM2.50 sejam
150 minit yang berikutnya	= RM3.00 sejam

- Jika seorang pemilik kenderaan meletakkan kenderaannya di tempat letak kereta X tersebut selama 165 minit, bayaran yang dikenakan ke atasnya ialah
- A RM4.00  
 B RM3.80  
 C RM3.50  
 D RM5.50

Soalan 54 dan 55 berdasarkan Jadual 1 di bawah ini.

Jadual 4 ; Peruntukan Kewangan Dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM6) dan Rancangan Malaysia Ketujuh (RM7)

Sektor	Rancangan Malaysia Ke-6 (RM billion)	Rancangan Malaysia Ke-7 (RM billion)
Ekonomi	29.8	33.7
Sosial		
- Pendidikan	12.1	10.8
- Kesihatan	2.7	9.0
Keselamatan	11.1	9.2
Pentadbiran Am	2.7	4.8

54. Peruntukan bagi RM7 dalam sektor sosial meningkat dari segi peratus berbanding RM6 iaitu sebanyak
- A 33.78%  
 B 32.09%  
 C 13.29%  
 D 40.0%

55. Berdasarkan jadual di atas, pilih pernyataan yang benar.
- I Peruntukan sektor pentadbiran am dalam RM7 berbanding RM6 bertambah sebanyak 77.78%  
 II Peruntukan sektor keselamatan berkurangan sebanyak 17.12% dalam RM7 berbanding RM6  
 III Sektor pendidikan berkurangan sebanyak 11.74% dari segi peruntukan dalam RM7 berbanding RM6  
 IV Peruntukan bagi sektor kesihatan meningkat kepada 9.4% dalam RM7 berbanding RM6
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III ✓  
 D III dan IV ✗

56. Seorang guru tuisyen dibayar mengikut bilangan pelajarannya, iaitu RM5.00 bagi seorang pelajar bagi setiap kali pengajaran. Beliau mempunyai 325 orang pelajar di mana 200 orang daripadanya akan belajar sebanyak 3 kali seminggu dan 125 orang lagi sebanyak 2 kali seminggu. Beliau juga dibayar elaun pengangkutan sebanyak 60 sen bagi setiap kilometer. Jarak rumah beliau dari pusat tuisyen itu ialah 15 km. Berapakah jumlah pendapatan yang akan diperolehi oleh guru tuisyen ini dalam seminggu?
- A RM4250.00  
 B RM4268.00  
 C RM4340.00  
 D RM1716.00

57. Syarikat A dan B boleh menyiapkan sebuah makmal komputer sekolah dalam masa 40 hari. Sekiranya Syarikat A boleh melakukan hanya 2/3 daripada kerja yang disiapkan oleh Syarikat B dalam sehari, berapa hariakah diperlukan oleh Syarikat A untuk menyudahkan binaan tersebut secara bersendirian?
- A 60 hari  
 B 75 hari ✓  
 C 85 hari  
 D 100 hari

Soalan 58 berdasarkan Jadual 5 di bawah ini.

Jadual 5 : Jumlah Pekerja Mahir Tahun 1995 – 2000


Bidang Kemahiran	1995	2000
Ketukangan Awam	230	236
Ketukangan Elektrik	8467	10896
Ketukangan Bangunan	3405	3954
Ketukangan Mekanikal	11766	11862
Ketukangan Pencetakan	102	2392
Jumlah	24150	29340

58. Antara yang berikut, yang manakah pernyataan yang benar?
- Bidang Ketukangan Elektrik menunjukkan peningkatan yang lebih besar berbanding bidang-bidang lain.
  - Peningkatan jumlah tenaga mahir dalam bidang Ketukangan Pencetakan meningkat sebanyak 25 kali ganda.
  - Penggunaan guna tenaga mahir dalam bidang Ketukangan Elektrik dan Ketukangan Pencetakan telah mengalami peratus perubahan yang tinggi.
  - Peluang pekerjaan dalam bidang Ketukangan Mekanikal meningkat sebanyak 96% antara tempoh tahun 1995 hingga tahun 2000.
- I dan II
  - I dan III
  - II dan IV
  - III dan IV

60. Antara yang berikut, yang manakah benar tentang rajah 1 di atas?
- Sektor perdagangan borong runcit, hotel dan restoran dan pembuatan mempunyai guna tenaga yang lebih tinggi daripada sektor pertanian.
  - Jumlah guna tenaga sektor perkhidmatan kerajaan adalah 50% lebih rendah daripada sektor pertanian.
  - Guna tenaga sektor binaan dan sektor lain adalah 50% lebih tinggi daripada sektor perkhidmatan kerajaan.
  - Sektor pertanian mempunyai guna tenaga lebih tinggi daripada sektor perdagangan borong runcit, hotel dan restoran.
- I dan II
  - I dan IV
  - II dan III
  - III dan IV

Soalan 59 dan 60 berdasarkan rajah 1 di bawah ini.

Guna Tenaga Mengikut Sektor di Malaysia,  
2000



59. Jumlah penduduk yang terlibat dalam sektor pertanian di Malaysia ialah
- 2.8416 juta
  - 2.2143 juta
  - 1.6666 juta
  - 1.8324 juta